



Federation of  
Malaysian  
Manufacturers



# SIARAN MEDIA

## USAHAWAN BELIA DAN PKS DIPERSIAP HADAPI PERUBAHAN TEKNOLOGI DIGITAL

**Kuala Lumpur, 19 November 2019** – Dalam usaha mempersiapkan usahawan belia dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menghadapi perubahan teknologi digital, *Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)* dengan kerjasama SME Corp. Malaysia menganjurkan *FMM Entrepreneurship Conference 2019* hari ini di Sime Darby Convention Centre, Bukit Kiara. Persidangan yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi usahawan belia dan PKS dalam industri pembuatan mempelajari strategi perniagaan daripada syarikat yang berjaya dan mengalakkan usahawan belia, syarikat yang baru memulakan perniagaan serta membuat polisi untuk berbincang dan bertukar pendapat bagi menangani perubahan dan transformasi digital untuk kekal relevan dalam industri.

Persidangan yang bertemakan ‘*Embracing Youth, Digitalising SMEs*’ ini turut menampilkan YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md. Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan sebagai ahli panel dalam sesi *Town Hall* bersama YBhg. Tan Sri Dato’ Soh Thian Lai, Presiden FMM bagi mengulas mengenai inisiatif untuk PKS dan keusahawanan di bawah Bajet 2020. Peserta persidangan juga turut didedahkan dengan maklumat terkini berkenaan polisi dan program-program berkaitan digitalisasi PKS oleh pegawai kanan Kementerian diikuti sesi perkongsian dengan pakar industri yang berpengalaman mengenai teknologi dan digitalisasi bagi pertumbuhan PKS.

Salah satu sesi adalah “Masa Depan Industri Pembuatan Malaysia – Keusahawanan Belia”, di mana sesi ini menampilkan usahawan belia yang merupakan Pengasas dan Generasi Kedua serta Ketiga syarikat sebagai ahli panel bagi berkongsi pengalaman dalam mengukuhkan syarikat dan menangani cabaran industri pembuatan dalam era digitalisasi. Sesi ini dimudahcara oleh Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

Di antara ahli panel lain yang terlibat dalam persidangan ini ialah YBhg. Tan Sri Dato' Lim Kuang Sia, Pengarah Urusan Kumpulan, Kossan Rubber Industry Bhd; IR Azhar Zainal Abidin, Pengarah Urusan, Proeight Sdn Bhd; Encik Yeoh Chen Chow, Pengasas Bersama Fave Asia Technologies Sdn Bhd; Encik Alvin Ang, Pengarah Eksekutif, Thong Guan Industries Sdn Bhd; Encik Gary Gan Kian Keat, Pengarah Urusan, Hexa Food Sdn Bhd; Cik Shuen Chiu, Ketua Strategi & Pertumbuhan, Syncoates (M) Sdn Bhd; dan Cik Goo Xin Yi, Pengasas dan Pengarah Urusan, Elite Advanced Materials Sdn Bhd.

Bersempena dengan persidangan ini, sesi *Open Innovation Pitching with MaGIC & Technology Park Malaysia (TPM)* turut diadakan bagi memberi peluang kepada usahawan yang baru memulakan perniagaan menawarkan solusi atau teknologi kepada syarikat pembuatan dan PKS. Ini termasuk teknologi alternatif dan perkhidmatan baru yang bersesuaian dalam meningkatkan kecekapan operasi dan menyediakan perkhidmatan inovatif.

Turut hadir pada program ini Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia dan rakan-rakan strategik iaitu UEM Sunrise Berhad, Top Glove Sdn Bhd, CIMB Bank Berhad, Top-Mech Provincial Sdn Bhd, New Billion Precision Metal Sdn Bhd, Priority Solution Consultancy Sdn Bhd, Monitor ERP System Sdn Bhd, Nestle Malaysia, Talent Corporation Malaysia Berhad, Unifi dan Tera Va Sdn Bhd.

Pada tahun 2019, sejumlah 164 program pembangunan PKS dan keusahawanan telah dilaksanakan oleh MED serta pelbagai Kementerian dan agensi dengan komitmen kewangan sebanyak RM13.70 bilion. Ini termasuk 28 program yang memberi tumpuan kepada inovasi dan penerapan teknologi dengan komitmen kewangan sebanyak RM148 juta. Usaha ini adalah bagi memastikan PKS di Malaysia bersedia menghadapi perubahan teknologi dan inovasi, seterusnya mampu berdaya saing dengan syarikat-syarikat besar.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Nor Azian Md Yusof dan Cik Nor Eryani Mat Aziz di talian 03-2775 6174 / 6133 atau emel – [azian@smeCorp.gov.my](mailto:azian@smeCorp.gov.my) / [eryani@smeCorp.gov.my](mailto:eryani@smeCorp.gov.my)

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Fax : 603-2775 6001  
E-mail : info@smecorp.gov.my  
Website : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

### **Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia / Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**

Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) telah dan terus menjadi suara bagi sektor perkilangan Malaysia sejak tahun 1968. Mewakili pandangan dan kepentingan lebih daripada 3,000 syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan, FMM terlibat secara aktif dengan Kerajaan dan agensi-agensi utamanya di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. FMM mempunyai jaringan dengan organisasi antarabangsa, perniagaan Malaysia dan masyarakat awam. Selain mendapat manfaat daripada FMM, ahli FMM juga menikmati perkhidmatan nilai tambah, termasuk latihan, rangkaian perniagaan dan peluang perdagangan serta maklumat terkini.

### ***Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)***

Wisma FMM, No.3, Persiaran Dagang, PJU 9  
Bandar Sri Damansara  
52200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-6286 7200  
Fax: 03-6274 1266/7288  
Email: [webmaster@fmm.org.my](mailto:webmaster@fmm.org.my)